

27 SEP 1999

Might-Inovasi

M'SIA PERLU BERUBAH KE EKONOMI LEBIH CANGGIH

SUBANG JAYA, 27 Sept (Bernama) -- Malaysia perlu beralih daripada sebuah ekonomi yang bercirikan kandungan rendah maklumat, modal rendah dan berintensifkan buruh kepada sebuah ekonomi intensif modal dan kandungan tinggi maklumat.

Pengerusi Bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman hari ini berkata, ini penting dalam usaha Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Dalam konteks ini, beliau berkata adalah penting bagi dasar Sains Dan Teknologi Negara dikaji semula dengan segera. Ia tidak dikaji semula sejak 16 tahun lepas.

"Kajian semula itu juga penting dalam konteks pelan pemulihan ekonomi negara dan mempertingkatkan pengetahuan dalam ekonomi supaya ia sesuai dengan pelbagai dasar dan rancangan kerajaan," kata beliau dalam ucapannya di Perundingan Might 1999 yang bertema 'Ke Arah Pembangunan Sistem Inovasi Negara', di sini.

Rundingan dua hari itu yang dianjurkan oleh Might dan Akademi Sains Malaysia bertujuan membincangkan konsep dan pelaksanaan sistem inovasi kebangsaan dalam konteks pendidikan, latihan, pemindahan teknologi dan pembiayaan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Dr Omar berkata, kajian semula itu juga perlu mengambil kira perubahan dalam idea dan teknologi selaras dengan perkembangan semasa.

Beliau berkata, dalam era ekonomi yang diterajui oleh teknologi maklumat, peranan sains, kejuruteraan dan teknologi di peringkat kebangsaan perlu dijelaskan dalam dasar itu.

Beliau berkata, Malaysia telahpun menyediakan pelbagai sistem untuk menggalakkan ekonomi berdasarkan pengetahuan dengan mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan.

"Tetapi ini tidak cukup bagi Malaysia untuk bersaing dalam era globalisasi," katanya.

Dr Omar berkata, ekonomi yang berasaskan pengetahuan akan membawa perubahan struktur yang besar memandangkan kemunculan industri-industri baru, perniagaan elektronik, perubahan dalam trend penggajian dan pentadbiran kerajaan.

Pembentukan ekonomi seperti itu juga memerlukan campurtangan dasar oleh kerajaan dan kerjasama aktif sektor swasta.

Berucap di majlis yang sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, kebolehan untuk berinovasi termasuk membentuk produk dengan cepat, proses-proses dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif dan ia merupakan sektor semakin kritikal bagi kejayaan firma-firma Malaysia.

Dr Siti Zaharah berkata, Malaysia bernasib baik kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpandangan jauh dalam membangunkan sistem inovasi bagi negara.

Input daripada rundingan itu akan digunakan untuk menyediakan Rancangan Malaysia ke 8 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang 4.

-- BERNAMA

RV PR